



15 Januari 2016

KENYATAAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

**PUSPAKOM TAWAR 25 PERINGKAT PEMERIKSAAN KENDERAAN PERSENDIRIAN
SUKARELA SECARA PERCUMA SEMPENA TAHUN BARU CINA**

Shah Alam, 15 Januari – PUSPAKOM akan menawarkan perkhidmatan Pemeriksaan Kenderaan Sukarela (Voluntary Vehicle Inspection-VVI) Percuma mulai 17 sehingga 29 Januari 2016 yang meliputi 25 peringkat pemeriksaan untuk semua pemilik kenderaan persendirian sempena Tahun Baru Cina 2016. Pemilik kenderaan boleh menghantar kenderaan masing-masing untuk diperiksa di semua cawangan PUSPAKOM di seluruh negara kecuali di cawangan Shah Alam, Mak Mandin dan Kota Bharu.

Kempen VVI secara percuma ini adalah sebahagian daripada inisiatif dan tanggungjawab korporat PUSPAKOM dalam meningkatkan tahap kesedaran keselamatan kenderaan di kalangan orang ramai, terutamanya mengenai kepentingan menjalankan pemeriksaan kenderaan secara berkala. Inisiatif ini juga adalah seiring dengan seruan kerajaan dalam mengurangkan kadar kemalangan jalan raya yang tinggi pada musim perayaan.

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mohammed Shukor Ismail berkata, "Kami mengalu-alukan kedatangan pelanggan ke pusat pemeriksaan kami untuk menjalani VVI secara percuma. Pemeriksaan VVI yang merangkumi peringkat seperti Ujian Pengeluaran Asap, Gelincir Sisi, Bahagian Atas dan Bawah kenderaan, Brek dan Suspensi dapat memberi pencerahan kepada pelanggan mengenai bahagian-bahagian kenderaan yang berkemungkinan rosak dan memerlukan perhatian. Laporan melalui pemeriksaan VVI ini, dapat memudahkan pelanggan membuat penyelenggaraan dan pembaikan selanjutnya terhadap kenderaan mereka. Pelanggan boleh terus mengunjungi cawangan kami tanpa perlu menunggu dan membuat temujanji."

"Melakukan pemeriksaan dan penyelenggaraan terhadap kenderaan adalah sama penting. Ini boleh menjamin keselamatan kenderaan dan orang tersayang anda." tambahnya lagi.

Pelanggan boleh menjalani VVI secara percuma dari jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang setiap hari (mengikut waktu operasi setiap cawangan). Untuk maklumat lanjut, para pelanggan boleh menghubungi talian bebas tol PUSPAKOM 1-800-88-6927 atau layari laman sesawang PUSPAKOM di www.puspakom.com.my.

###

Jabatan Komunikasi & Khidmat Pelanggan
PUSPAKOM Sdn. Bhd.
03-2052 7465

Mengenai PUSPAKOM

Ditubuhkan pada tahun 1994, PUSPAKOM, anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad, merupakan satu-satunya syarikat pemeriksaan kenderaan yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk melakukan semua pemeriksaan mandatori terhadap kenderaan awam dan perdagangan, serta kenderaan persendirian untuk tujuan pembiayaan sewa beli, pindah milik dan insurans.

Peringkat-peringkat Pemeriksaan Kenderaan Sukarela meliputi:

